



SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN : 12/2024

PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH BAGI TAHUN 2024

Dengan hormatnya sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang layak menduduki Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah bagi tahun 2024 dipelawa untuk mendaftar bagi menduduki peperiksaan tersebut.

Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan adalah seperti berikut:

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1 Pegawai yang disyaratkan untuk **LULUS** Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah seperti yang terkandung dalam Surat Lantikan / Skim Perkhidmatan sebelum ditetapkan dalam jawatan masing-masing.
- 1.2 Pegawai yang mengulang semula kertas peperiksaan yang gagal.

2. JADUAL PEPERIKSAAN

TARIKH	KERTAS PEPERIKSAAN	MASA	TEMPAT
20 Oktober 2024 (Ahad)	Aturan Pejabat (AP)	8.00 – 9.00 pagi	1. Sekolah Rendah Kampong Mata-Mata, Gadong 2. Sekolah Rendah Pulaie, Berakas
	Pengetahuan Am (PA)	9.30 – 10.30 pagi	
	Surat Menyurat (SM)	11.00 – 12.30 t/hari	

NL



3. TARIKH PERMOHONAN

TARIKH PERMOHONAN	
DIBUKA	DITUTUP
24 Jun 2024 Isnin	13 Julai 2024 Sabtu

4. TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan dan pencalonan hendaklah dibuat secara dalam talian (*Online*) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing.
- 4.2 Pencalonan adalah bagi kakitangan yang memohon untuk menduduki peperiksaan sahaja.
- 4.3 *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui *front end* SSM mengenai permohonan yang telah dihadapkan iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. *Department HRD Administrator* seterusnya akan memaklumkan status permohonan tersebut kepada pemohon di Kementerian/Jabatan masing-masing.

5. PENGECUALIAN

- 5.1 Pemohon yang telah **LULUS** Peperiksaan Perdagangan Brunei (sekurang-kurangnya **PERINGKAT MENENGAH**) dikecualikan dari menduduki peperiksaan **SURAT MENYURAT**. (*Salinan sijil hendaklah dihadapkan melalui e-mel kepada exam.hrsu@psd.gov.bn*).

N



6. HAL-HAL LAIN

- 6.1 Pemohon hendaklah memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat atau e-mel tunjuk sebab jika tidak dapat hadir untuk menduduki peperiksaan:
- 6.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara yang diketahui awal dan tidak dapat dielakkan;
- 6.1.2 Tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara di luar jangkaan.
- 6.2 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap pemohon yang TIDAK HADIR / MENARIK DIRI dari menduduki peperiksaan tanpa makluman dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menangguhkan pendaftaran semula peperiksaan yang akan datang.

7. KETERANGAN LANJUT

- 7.1 Bagi sebarang pertanyaan, bolehlah berhubung terus melalui talian telefon atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410

E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

والله ولي التوفيق

"Keberdayatahanan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara"
"Pertahanan Holistik Menjaga Kedaulatan Negara"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/7/5 Pt.7

Tarikh : 07 Zulkaedah 1445 / 16 Mei 2024